

18/04/2001

Melaka buat persiapan sempena Hari Guru

Syuhada Choo Abdullah

JABATAN Pendidikan Melaka, tuan rumah sambutan Hari Guru tahun ini sedang membuat persiapan rapi dengan mengatur pelbagai acara yang akan dipersembahkan di majlis pelancarannya, pada 16 Mei ini.

Menurut jurucakap Urus Setia Jawatankuasa Pelaksana Pelancaran Perayaan Hari Guru Peringkat Kebangsaan 2001 di Melaka, sambutan tahun ini memberi pengertian besar, khususnya kepada warga guru di Melaka.

Katanya, majlis pelancaran perayaan itu yang pertama kali dilangsungkan pada waktu malam akan dimeriahkan dengan sambutan berwarna-warni sebagai lambang keharmonian hidup masyarakat berbilang budaya di Melaka.

Majlis itu juga akan diserikan dengan aneka persembahan kebudayaan yang mencerminkan kekayaan nilai tradisi anak watan Bandaraya Bersejarah itu.

Sebagai contoh, beliau berkata, ketibaan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang dijangka merasmikan perayaan peringkat kebangsaan itu pada jam 8.30 malam di Auditorium Dewan Seri Negeri, akan disambut dengan penuh adat istiadat tradisional.

Selain sirih junjung dan bunga rampai, kehadiran tetamu kehormat juga akan dialu-alukan dengan perbarisan oleh warga pendidik, paluan kompang dan gong, serta persembahan ketangkasan seni pertahanan diri silat.

"Malah lebih menarik lagi, majlis akan turut diserikan dengan percikan bunga api 'istimewa' buatan industri orang kampung yang sering digunakan oleh masyarakat Melaka dalam majlis keraian seperti kenduri perkahwinan," katanya ketika dihubungi Berita Harian, baru-baru ini.

Bagi memeriahkan majlis itu, katanya tetamu akan turut dihidangkan dengan persembahan tradisional kebanggaan masyarakat Melaka, iaitu Dondang Sayang.

Persembahan di pekarangan Dewan Seri Negeri selepas selesainya majlis pelancaran itu akan dijayakan oleh penampilan khas Nyonya Tan, penyanyi veteran yang sudah tidak asing lagi di Melaka.

Sementara itu, katanya, mereka juga akan dihiburkan dengan persembahan orkestra menarik oleh sekumpulan kira-kira 40 pelajar Kolej Yayasan Saad pada majlis pelancaran berkenaan. Sebanyak tiga lagu akan disampaikan, iaitu My Way, Cindai dan Bunga Melur.

Seterusnya pada malam sebelum hari pelancaran, beliau berkata, Ketua Menteri Melaka, Datuk Wira Mohd Ali Mohd Rustam, dijadualkan menjadi hos Majlis Jamuan Negeri bagi meraikan tokoh guru dan warga pendidik jemputan bersama Menteri Pendidikan serta pegawai Kementerian Pendidikan.

Menurutnya, majlis jamuan berkenaan juga akan diserikan dengan pelbagai persembahan kebudayaan menarik yang mencerminkan keindahan tradisi serta adat resam masyarakat di Bandaraya Bersejarah itu.

"Bertepatan dengan usaha memperkenalkan lagi Melaka sebagai destinasi pelancongan, pihak tuan rumah juga sudah menyusun program istimewa untuk, tetamu jemputan (keutamaan diberi kepada peserta dari negeri lain), iaitu mengadakan rombongan lawatan ke beberapa lokasi menarik sekitar Bandaraya Bersejarah ini.

"Program lawatan istimewa ini dianjurkan oleh Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) Melaka dengan kerjasama Perbadanan Muzium Melaka dan Kolej Yayasan Melaka.

"Seramai 200 peserta akan menyertai setiap rombongan yang masing-masing dijadualkan berlepas pada 16 dan 17 Mei ini. Antara destinasi pelancongan menarik ialah Mini Malaysia, Mini Asean, Zoo Melaka serta lokasi sekitar Bandar Hilir Melaka," katanya.

Menurut urus setia berkenaan, perayaan Hari Guru peringkat kebangsaan kali ini memperoleh peruntukan kira-kira RM100,000 daripada Kementerian Pendidikan selain sumbangan RM30,000 oleh Kerajaan Negeri Melaka.

Beliau berkata, sambutan berkenaan amat bermakna, khususnya kepada warga pendidik seluruh negara, sebagai menghargai serta menyokong bakti mereka dalam membangunkan bersama generasi pelapis negara.

Tahun ini, kira-kira 2,000 jemputan yang mewakili segenap lapisan warga pendidik dari seluruh negara, akan memeriahkan majlis perayaan kali ke-30 itu.

Perayaan Hari Guru tahun ini bertema 'Memartabatkan Profesion Keguruan Tanggungjawab Bersama' sebagai kesinambungan penekanan kepada tema tahun lalu, iaitu 'Bersatu Memartabatkan Profesion Keguruan'.

(END)